



Malaysia

Walaupun kerajaan Malaysia telah menjanjikan perubahan dan pengenduran sekatan dalam beberapa hal, keadaan hak asasi manusia masih terus dikekang.

Pada 15 September 2011, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan hasrat kerajaan untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act atau ISA), membatalkan tiga proklamasi darurat yang menjadi sandaran undang-undang paling menindas dan menyemak Akta Kediaman Terhad. Namun demikian, dalam ucapan sama, beliau juga berjanji untuk memperkenalkan dua undang-undang baharu di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan (peruntukan berkaitan kuasa khas menentang perbuatan subversif) yang membolehkan parlimen menggubal sebarang undang-undang keselamatan secara menyeluruh dan membelakangi kebebasan asasi.

Pada 9 Julai, pihak polis di ibu negara, Kuala Lumpur telah bertindak menyuraikan suatu himpunan aman anjuran BERSIH (Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil) dan menangkap hampir 1,700 orang peserta himpunan yang menuntut reformasi pilihan raya. Polis juga telah melepaskan gas pemedih mata dari jarak dekat ke arah peserta himpunan di terowong bawah tanah mengakibatkan beberapa orang tercedera, malah turut menembak gas pemedih mata ke dalam kawasan Hospital Tung Shin dan Ibu-ibu Cina.

Penahanan tanpa Tuduhan atau Perbicaraan

ISA membenarkan sesiapa pun ditahan berlanjutan tanpa tuduhan atau perbicaraan untuk tindak-tanduk yang dijangkakan pihak berkuasa mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Walaupun ISA tidak banyak digunakan dalam tahun kebelakangan ini, maklumat yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berhubung dengan ucapan Datuk Seri Najib menyebut bahawa terdapat 37 orang yang masih dalam tahanan ISA. Kerajaan terus-menerus menggunakan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) untuk menahan beribu-ribu orang awam. Walau bagaimanapun, pada Oktober lalu, Palimen telah

memansuhkan Akta Kediaman Terhad dan membebaskan seramai 125 orang tahanan di bawah Akta tersebut.

Dalam laporan Kumpulan Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Penahanan Sewenang-wenang (United Nations Working Group on Arbitrary Detention) pada Februari 2011, mereka telah mengkritik keras Ordinan Darurat, dan menyebut bahawa Ordinan ini membenarkan penahanan tanpa had tempoh “tiada sebarang keperluan untuk mengemukakan bukti dan menyiasat kebertanggungjawaban ke atas jenayah yang dituduh”.

Pada Oktober 2011, pihak berkuasa Malaysia telah menggunakan ISA dengan sewenang-wenangnya terhadap beberapa orang pegawai imigresen yang dituduh terlibat dengan pemerdagangan orang meskipun sudah ada Akta Antipemerdagangan Orang. Namun, kesemua yang tertuduh ini telah dibebaskan dengan mengejut pada Ogos 2011 kecuali seorang, yang akhirnya dibebaskan pada 10 November. Pada 2 Julai, pihak polis telah menggunakan Ordinan Darurat untuk menahan enam orang pemimpin Parti Sosialis Malaysia (PSM) atas tuduhan kononnya mereka ini bertanggungjawab menganjurkan himpunan BERSIH, dan mereka ini telah disoal siasat berlanjutan, dikurung berasingan dan ditutup mata mereka.

Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan

Hak kebebasan bersuara, berhimpun secara aman dan menubuhkan persatuan yang dijamin oleh Perlembagaan Malaysia, terus-menerus dicabuli pada 2011. Pada 21 Mei, Bersih telah mengumumkan suatu perhimpunan “Walk for Democracy”, untuk mendesak pembaharuan sistem pilihan raya. Dalam pertengahan Jun, pihak polis telah mengeluarkan kenyataan bahawa permit polis yang diperlukan untuk himpunan (di bawah seksyen 27 Akta Polis) tidak akan diberi untuk perhimpunan tersebut. Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar malah mengugut bahawa “tindakan tegas” akan diambil terhadap sesiapa sahaja yang terlibat dengan ‘perhimpunan haram’ itu.

Sepanjang Jun, polis telah meningkatkan tahap kekerasan dengan menangkap aktivis-aktivis yang mengedar risalah, memakai baju Bersih berwarna kuning ataupun mengkoordinasi perjumpaan yang berkaitan himpunan tersebut. Pada 29 Jun, sebuah unit pasukan polis berpakaian biasa telah menggeledah tanpa waran pejabat Bersih, merampas bahan mereka dan menahan sesetengah orang yang hadir untuk disoal; pada 1

Julai, Kementerian Dalam Negeri telah mengisytihar Bersih sebagai sebuah persatuan yang tidak sah di bawah Akta Persatuan. Pada hari sebelum himpunan tersebut, polis juga telah mendapatkan perintah mahkamah melarang 91 pemimpin himpunan itu daripada memasuki pusat bandar Kuala Lumpur. Walaupun beribu orang yang berjaya mengelak daripada sekatan polis bertindak aman dan berdisiplin, pihak polis telah meleraikan himpunan menggunakan cota, tembakan gas pemedih mata dan air berkimia bertubi-tubi. Hampir 1,700 orang telah ditangkap. Gambar-gambar dan klip video memaparkan kekasaran melampau ini telah dirakam lalu disiarkan oleh wartawan dan orang awam.

Pada 25 Jun, polis juga telah menahan bas yang membawa aktivis-aktivis PSM ke sebuah perhimpunan yang telah dianjurkan, lalu menahan 30 orang yang disyaki “membuat persiapan untuk memulakan perang ke atas Agong”. Kesemuanya telah dibebaskan daripada tahanan sebelum perbicaraan pada 2 Julai, tetapi polis kemudiannya menahan semula enam daripada mereka di bawah Ordinan Darurat. Kesemua mereka dituduh di bawah Akta Persatuan dan salah satu seksyen di bawah ISA yang mengharamkan pemilikan dokumen-dokumen subversif. Pada 19 September, Peguam Negara telah membebaskan kesemua mereka semula dan pada 10 Oktober, mahkamah mengesahkan bahawa pelepasan mereka itu bukan suatu pembebasan, yakni mereka masih boleh didakwa pada bila-bila masa. Pada 28 Oktober, sekali lagi enam pemimpin PSM ini telah diberikan pengesahan yang serupa oleh mahkamah.

Penapisan Media

Oleh kerana hampir semua surat khabar dan stesyen televisyen dan radio aliran umum dikawal oleh syarikat-syarikat media yang rapat dengan parti-parti politik dalam perikatan kerajaan, penggunaan media sosial telah berkembang dengan begitu pantas, mengikut serta portal-portal berita online popular sebagai sumber alternative bagi mendapatkan berita dan maklumat. Setakat ini, internet masih bebas dan tidak ditapis, akan tetapi, Kementerian Dalam Negeri pada 2011 sekali lagi menolak permohonan laman web Malaysiakini untuk menerbitkan versi bercetak harian, dengan menyatakan bahawa permit penerbitan adalah “suatu keistimewaan, bukannya hak”. Malaysiakini telah mencabar keputusan Kementerian ini, dan ketika laporan ini ditulis, Mahkamah Tinggi telah memberi tarikh 8 Disember sebagai tarikh menyemak keputusan tersebut. Portal-portal berita online yang mengkritik kerajaan juga telah digodam berulang kali oleh penyerang siber

yang tidak dikenali ketika kemuncak berita penting, contohnya pilihan raya di Sarawak pada April dan perhimpunan Bersih pada Julai 2011.

Dalam ucapan September beliau, Datuk Najib juga berjanji akan meminda Akta Penerbitan dan Percetakan Akhbar, tetapi hanya setakat menamatkan keperluan lesen tahunan mandatori di bawah akta tersebut. Menteri Dalam Negeri masih kekal memegang kuasa meluas untuk menolak permohonan untuk menerbitkan sebarang bahan yang dianggap “boleh memudaratkan ketenteraman awam, moral, keselamatan atau kepentingan negara.”

Pada 14 Julai, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengesahkan pengharaman ke atas tujuh buah buku Zunar, seorang kartunis Malaysiakini, dan mengancam akan membatalkan lesen pencetak yang menghasilkan buku-bukunya.

Dalam bulan September, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah mengarahkan para penyiar agar tidak menyiarkan sebuah pengumuman perkhidmatan awam mendidik pengundi, walhal ia bersifat tidak berpihak. Pengumuman ini dihasilkan oleh seorang penerbit filem dan ahli muzik tersohor, Peter Teo.

Perbicaraan Anwar Ibrahim

Perjalanan perbicaraan Anwar Ibrahim, Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia telah menimbulkan isu hak asasi yang serius. Anwar telah dituduh melakukan liwat (sodomy) yakni didakwa terlibat dengan perbuatan homoseksual dengan persetujuan pada 26 Jun, 2008.

Keputusan mahkamah telah menafikan pasukan peguam Anwar kebenaran mendapatkan senarai saksi pendakwa, sampel forensik yang sangat penting bagi pemeriksaan bebas, nota hasil daripada pemeriksaan hospital orang yang menuduh, dan melanggar standard antarabangsa bagi sebuah perbicaraan adil.

Pada 23 September 2011, dalam afidavitnya kepada mahkamah, Perdana Menteri Datuk Najib telah mengesahkan bahawa beliau memang telah bertemu dengan Saiful, yakni orang yang menuduh, dua hari sebelum insiden liwat yang didakwanya.

Pekerja Migran, Orang Pelarian, Pemohon Suaka dan Mangsa Pemerdagangan Manusia

Akta Imigresen Malaysia 1959/1963 langsung tidak membezakan antara orang pelarian, pemohon suaka, mangsa pemerdagangan dan migran tanpa dokumen. Kerajaan belum menandatangani Konvensyen berhubung dengan Status Orang Pelarian dan tidak mempunyai sebarang undang-undang bagi orang pelarian dan prosedur bagi pemohon suaka.

Pada 25 Julai, Malaysia dan Australia telah menandatangani perjanjian pertukaran orang pelarian antara kedua-dua negara, yang akan membenarkan Australia menghantar 800 orang pemohon suaka ke Malaysia untuk ditentukan taraf pelarian mereka, lalu ditukarkan dengan 4,000 orang pelarian yang didaftar dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Orang Pelarian (UNHCR). Pada 31 Ogos, Mahkamah Tinggi Australia telah memutuskan perjanjian pertukaran orang pelarian ini menyalahi undang-undang setelah menentukan ia tidak mengikat Malaysia dari segi undang-undang, demi melindungi hak pemohon suaka yang telah ditukarkan ke sana.

Malaysia tidak banyak berkembang dalam memastikan bahawa usaha antipemerdagangan orang dipatuhi. Akta Antipemerdagangan Orang menggabungkan kedua-dua jenayah pemerdagangan dan penyeludupan, dan oleh itu, mengurangkan perlindungan bagi kedua-dua kelompok tersebut. Ini mengakibatkan mangsa pemerdagangan kurang cenderung untuk bekerjasama mengenalpasti dan mendakwa penjahat terlibat.

Sebuah program 2011 untuk mendaftar semua pekerja migran tidak telus tentang siapa pekerja migran yang dibenarkan menetap di Malaysia.

Kira-kira 300,000 pekerja migran sektor domestik telah terpinggir daripada perlindungan yang sangat penting di bawah Akta Kerja di Malaysia, termasuklah had waktu kerja, cuti wajib sehari setiap minggu, cuti tahunan dan cuti sakit, perlindungan selepas bersalin dan penamatan kontrak secara adil. Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organization atau NGO) dan kedutaan negara-negara yang menghantar pekerja migran terpaksa mengatasi ratusan aduan melibatkan gaji tak dibayar, penderaan seksual dan fizikal dan pengurungan paksa. Malaysia dan Indonesia telah pun menandatangani Memorandum Persefahaman yang menjamin satu hari cuti mingguan bagi pekerja domestik dan membenarkan mereka menyimpan pasport mereka sendiri tanpa perlu menyerahkan

kepada majikan. Walau bagaimanapun, perjanjian persefahaman ini mengekalkan struktur yuran pengrekrutan yang menyebabkan para pekerja terus dilanda hutang yang membebankan. Malaysia merupakan satu daripada sembilan buah negara yang tinggal yang masih enggan menyokong Konvensyen *International Labour Organization* No. 189 mengenai kerja-kerja yang bersesuaian dengan pembantu rumah.

Dasar Dadah Negara

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menguruskan lebih 20 buah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (Puspen) yang menempatkan penagih yang ditahan sekurang-kurangnya selama dua tahun. Meskipun kadar penagihan semula di kalangan penagih dadah adalah tinggi dan dianggarkan sekitar 70 hingga 90 peratus, mereka yang diberkas semula akan menghadapi hukuman penjara untuk tempoh panjang dan hukuman sebat rotan.

Orientasi Seksual dan Identiti Gender

Pihak Kerajaan bukan hanya menolak usaha-usaha untuk memansuhkan Seksyen 377 Kanun Keseksaan yang menjenayahkan "perlakuan hubungan seks di luar tabii", malah ia juga enggan menggantikan Seksyen 377C terhadap perlakuan seks tanpa persetujuan dengan undang-undang yang lebih moden dan bersifat *gender neutral* terhadap jenayah rogol.

Pada Julai 2011, Mahkamah Tinggi menolak permohonan seorang *transgender*, Aleesha Farhnan Abdul Aziz, yang mahu menukarkan nama dalam kad pengenalnya daripada nama lelaki kepada nama perempuan. Dalam bulan April pula, pihak berkuasa Malaysia telah menghantar 66 orang pelajar sekolah lelaki yang dikatakan bersifat kegadis-gadisan (effeminate) ke sebuah 'kem bina semangat' yang "bertujuan meningkatkan keyakinan diri di kalangan pelajar lelaki yang menghadapi masalah krisis identiti diri".

Pada 3 November, pihak polis telah mengisytiharkan pengharaman terhadap Seksualiti Merdeka, sebuah pesta tahunan yang diadakan setiap tahun sejak 2008 bagi meraikan hak orang yang mempunyai orientasi seksual dan identiti gender berbeza, atas sebab ia mengancam ketenteraman awam.

Kebebasan Beragama

Perlembagaan Malaysia menyebut bahawa Malaysia merupakan negara sekular yang melindungi kebebasan beragama untuk semua. Namun demikian, perlakuan terhadap

mereka yang beragama minoriti terus membimbangkan. Pada 3 Ogos 2011, Jabatan Agama Negeri Selangor telah melakukan serbuan ke atas satu majlis makan malam muhibah di sebuah gereja Methodist. Pihak berkuasa mendakwa ada bukti memurtadkan orang Islam yang hadir pada malam tersebut namun tidak mengemukakan sebarang bukti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri de facto Undang-undang, Nazri Aziz menolak cadangan memansuhkan undang-undang yang membenarkan perkahwinan bawah umur kerana amalan itu tidak menyalahi agama Islam

Para Pemain Utama Antarabangsa

Amerika Syarikat (AS) terus mengembangkan pengaruhnya di Malaysia menerusi peningkatan hubungan perdagangan dan pelaburan, hubungan ketenteraan dan kerjasama dalam keselamatan serantau. Sewaktu kunjungan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Washington pada Januari 2011, Setiausaha Negara AS Hillary Clinton menekankan perkembangan positif hubungan dua hala yang sudah wujud dan menyatakan kemungkinan kunjungan daripada Presiden Obama. Beliau juga menggesa perbicaraan yang adil untuk Anwar Ibrahim.

Malaysia meneruskan hubungan rapatnya dengan China, dan malah, telah memberi persetujuan kepada pihak berkuasa di Beijing untuk menghantar pulang secara paksa sekumpulan etnik Uighur walaupun mereka berhadapan kemungkinan penganiayaan dan kekerasan di China. Sebelas orang telah dihantar pulang dan lima masih di Malaysia.

Malaysia juga masih terus berusaha menghalang usaha kerajaan-kerajaan pada peringkat Jawatankuasa Untuk Pekerja Migran di Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) merunding suatu dasar yang sah di sisi undang-undang untuk perlindungan dan pengembangan hak-hak pekerja migran.